

## Taklimat Peranan Pegawai Perhubungan Awam Di Daerah Tutong



Bergambar ramai bersama para peserta yang ikut serta dalam taklimat tersebut.

Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong dengan kerjasama Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Penerangan telah mengadakan Taklimat Perhubungan Awam bertempat di cawangan jabatan berkenaan pada 24 Januari.

Seramai 30 orang telah menghadiri sesi taklimat tersebut terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan di Daerah Tutong.

Tajuk taklimat 'Peranan Pegawai Perhubungan Awam dan Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Dayang Ruhil Amal Faridah binti Yahya, Ketua Penerangan Daerah Tutong selaku Pengerusi sejurus sebelum sesi taklimat dimulakan.

Antara lain tujuan taklimat ialah bagi memberigakan ilmu pengetahuan mengenai peranan perhubungan awam kerajaan, meningkatkan promosi perkhidmatan kerajaan yang bermanfaat dan tepat.



Sesi taklimat yang disampaikan oleh Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan.

Penceramah menyentuh mengenai penubuhan, peranan dan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan pada tahun 1997.

Selain sesi taklimat para peserta juga berkesempatan menggunakan Biro Penerangan Cawangan Tutong

sebagai sumber rujukan dan melayari laman web Pelita Online Harian.

Taklimat ini merupakan projek bulanan bagi Cawangan Penerangan Tutong selaras dengan visi Jabatan Penerangan memberi maklumat yang berkualiti dan kecemerlangan imej untuk mengukuhkan perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara.

**Sidang Redaksi**

**Penasihat**

Haji Mahmud bin Haji Masri

**Ketua Pengarang**

Hajah Noorashidah Haji Aliomar  
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ahli Sidang Pengarang**

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aida Hidop  
Hajah Apsah Haji Sahdan

**Penyumbang Berita**

Ismalee Haji Abdul Rahman  
Hajah Norpisah Md Salleh  
Nor Ajjah Mohammad  
Asnah Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

**Penyemak**

Hajah Norpisah Md Salleh

**Penyelaras Online**

Haji Ariffin Mohd Noor

**Fotografi**

Bahagian Fotografi  
&  
Audio Visual  
Bahagian Perhubungan Awam  
Bahagian Berita Inggeris  
&  
Media IT

Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad

# Sekapur Sirih

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera*

Selamat Menyambut Tahun Baru Masihi 2009.

Kita telah meninggalkan tahun Masihi 2008 dengan penuh kenangan pahit dan manis dan cabaran-cabaran yang begitu menguji ketahanan setiap individu dan organisasi. Apa pun yang dihadapi dengan adanya kerjasama dan komitmen semua warga, kita telah berjaya mengharunginya bersama. Inilah semangat kerja yang ingin kita terus tanamkan di jiwa dan sanubari setiap warga.

Jabatan pada tahun baru ini telah membuka tirainya dengan kerja-kerja kemasyarakatan apabila Kursus Sivik bagi penuntut sebarang laut khusus bagi penuntut yang belajar di Australia dan New Zealand. Melalui kursus sedemikian penuntut berkenaan akan mendapat maklumat perkembangan terkini negara sesuai dengan misi jabatan ke arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat.

Jabatan juga terlibat menyertai Pameran Sains di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab sementara Cawangan Penerangan Daerah Tutong pula memulakan kegiatan dengan taklimat bagi Pegawai Perhubungan Awam di daerah berkenaan. Kegiatan seperti ini memperlihatkan betapa jabatan sebagai organisasi yang mengutamakan kepentingan dalam menyebarkan maklumat kepada semua lapisan masyarakat.

Banjir kilat yang melanda di kebanyakan tempat di Negara Brunei Darussalam telah menyebabkan Jabatan Penerangan dan beberapa buah jabatan lain tidak dapat berfungsi sepenuhnya kerana ketiadaan bekalan elektrik. Jabatan juga merakamkan rasa dukacita kerana beberapa orang warga Penerangan menjadi mangsa banjir kilat dan tanah susur. Di waktu ini juga beberapa warga jabatan telah bertugas di Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan untuk membantu menyediakan maklumat-maklumat untuk disiarkan kepada media-media.

Insyaa-Allah kita akan terus menempuh bulan-bulan seterusnya dengan ikhlas, sabar dengan penuh semangat dan percaya semua aktiviti yang akan kita laksanakan akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian. Wassalam.

**HAJI MAHMUD HAJI MASRI**  
Pemangku Pengarah Penerangan

**Isi Kandungan**

- Taklimat Pegawai Perhubungan Awam	1
- Mesyuarat Ke-10 Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI	
- Pameran Sains Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab	3
- Aktiviti Sepanjang Kursus Sivik 2009	
- Perjumpaan Ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian & Jabatan-jabatan Kerajaan bersama The Brunei Times	4-5
- Perubahan Bahagian/Pertukaran Pegawai Dalam Struktur Organisasi 2009	
- Kakitangan Yang Baru Berkhidmat	6
- Cuti Sebelum Bersara	
- MRO Bertugas	
- Majlis Penyampaian Sijil	7
- Temuduga Jawatan Pembersih	
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009	
- Gempar	
- Selamat Hari Lahir	8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)



## Mesyuarat Ke-10 Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI



Wakil Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama delegasi-delegasi yang mewakili negara masing-masing. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Awang Adanan bin Haji Ibrahim dari Jabatan Penerangan dan Awang Jonathan Kho Chew Sen dari Jabatan Radio Televisyen Brunei.

Mesyuarat Ke-10 Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI telah diadakan di Pampanga, Filipina pada 11 hingga 13 Januari 2009 yang lalu. Seramai 30 orang delegasi mewakili negara masing-masing telah menghadiri mesyuarat berkenaan.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh tiga orang pegawai yang terdiri dari Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan; Jonathan

Kho Chew Sen, Ketua Bahagian Pertukaran Berita Antarabangsa, Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Awang Adanan bin Haji Ibrahim, Ketua Unit ASEAN-COCI, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.

Antara agenda yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah meneliti laporan mengenai keputusan-keputusan Mesyuarat-mesyuarat ASEAN yang berkaitan dengan penerangan dan penyiaran; status-status projek-

projek ASEAN di bidang penerangan dan penyiaran yang telah dan akan dikendalikan termasuk projek-projek baru dan juga meneliti projek-projek penerangan ASEAN dengan rakan-rakan dialog.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia akan menjadi tuan rumah bagi projek ASEAN Campus Journalists / Leaders Exchange Programme.

Berita dan gambar disumbangkan oleh: Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

## Pameran Sains Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab

Jabatan Penerangan telah menerima undangan dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA) untuk ikut serta dalam Pameran Sains yang merupakan salah satu aktiviti Program Pencapaian Peningkatan Sains (Sekolah Menengah) yang dianjurkan oleh Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Kementerian Pendidikan.

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Bahagian Pameran telah mengendalikan pameran yang bertemakan 'Global Warming' (Pemanasan Global). Pameran tersebut telah memaparkan gambar-gambar mengenai langkah-langkah serta inisiatif-inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan serta pihak sektor swasta dan masyarakat umum ke arah mengatasi kepanasan global.

Di samping itu sebagai tambahan kepada pameran, ruangan Sudut ASEAN juga telah dipamerkan. Aktiviti-aktiviti lain yang juga turut diadakan ialah Peraduan Kuiz di mana penuntut-penuntut telah berpeluang menjawab soalan kuiz melalui pameran yang mereka saksikan. Penuntut-penuntut yang berjaya menjawab semua soalan dengan betul telah menerima hadiah sumbangan dari Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan.



Ketua Bahagian Pameran, Awang Azman bin Haji Abd Rahim memberikan penerangan kepada tetamu kehormat yang menyaksikan pameran. Pameran ini juga mendapat sambutan daripada para penuntut dan jemaatan yang hadir.



Berita disumbangkan oleh: Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa



## Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009

Jabatan Penerangan dengan kerjasama Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. telah menganjurkan Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009 pada 13 - 15 Januari.

Seramai 54 orang mahasiswa yang sedang menuntut di Australia dan New Zealand telah menyertai kursus selama tiga hari itu. Para mahasiswa tersebut merupakan penerima biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd.

Majlis pada pagi itu bermula dengan pendaftaran para peserta. Seterusnya bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin. Para peserta juga turut menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan 'Bendera Negara'.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahmud bin Haji Masri dalam ucapan alu-aluannya berkata, semua atur cara kursus dirancang bagi memupuk semangat cintakan raja, bangsa, agama dan tanah air serta mempertahankan adat susila dan budaya bangsa selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) di kalangan para peserta. Beliau turut berharap program selama tiga hari itu akan dapat memenuhi keperluan maklumat dan pengalaman yang diperlukan oleh peserta sebagai bakal pemimpin negara di masa depan untuk membangun dan

memajukan negara sebagai sebuah negara yang aman dan makmur.

Awang Haji Ibrahim bin Haji Bagol dari Kementerian Pendidikan telah menyampaikan penerangan ringkas mengenai Sesi Penilaian Kursus. Ceramah 'Sistem Pemerintahan dan Struktur Pentadbiran Negara' telah disampaikan oleh Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, diikuti oleh Ceramah 'Wawasan Negara 2035' oleh Pemangku Pengarah Perancangan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Mohd. Abdul Amin bin Haji Hashim. Di sebelah tengah hari pada hari pertama kursus, para peserta telah dibawa melawat ke Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan dan diberikan taklimat 'Memperkasa Keupayaan Warga Brunei Dalam Mengamalkan Cara Hidup Sihat' oleh Awang Haji Junaidi bin Haji Ahmad, Pegawai Pelajaran Kesihatan.

Di hari kedua kursus, taklimat 'Adat Istiadat Brunei/Majlis Beradat Istiadat' telah disampaikan oleh Pg. Dr. Haji Hidop bin Pg. Haji Samsuddin dari Jabatan Adat Istiadat Negara. Seterusnya para peserta dibawa melawat ke Jabatan Daerah Brunei-Muara dan mendengar taklimat 'Perkembangan dan Kemajuan Daerah Brunei dan Muara' dan lawatan diakhiri dengan sesi ramah mesra bersama Pegawai Daerah. Di sebelah petang hari kedua pula, program riadah mendaki Bukit Tempayan Pisang bersama ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim

Serasa, para pegawai dan kakitangan jabatan serta penduduk setempat telah diadakan.

Di hari ketiga kursus pula, ceramah 'Sistem Pendidikan Negara (SPN 21)' telah disampaikan oleh Awang Haji Suhaila bin Haji Abd Kadir, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan diikuti dengan ceramah 'Penyelewengan Aqidah' oleh Awang Haji Matussein bin Haji Jumat dari Bahagian Kawalan Aqidah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan seterusnya ialah Sesi Penilaian Kursus sebelum rehat untuk makan tengah hari.

Di sebelah petang hari terakhir ialah Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai, menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan 'Bendera Negara'. Ucapan wakil peserta kursus telah disampaikan oleh Awang Mohd. Basirun Basir bin Ahmad, mahasiswa tahun akhir bidang perubatan yang menuntut di University of Otago, New Zealand.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahmud bin Haji Masri telah menyampaikan ucapan dan seterusnya berkesudian menyampaikan sijil kepada para peserta. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin dan sesi bergambar ramai.

Kursus Sivik tiga hari itu turut dihadiri oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Nayan, Penolong Pengarah Bahagian Biasiswa; pegawai-pegawai jabatan dan Kementerian Pendidikan serta Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Berhad.



Para peserta Kursus Sivik Mahasiswa Seberang Laut 2009 bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahmud bin Haji Masri.



# Aktiviti Sepanjang Kursus Sivik 2009



Meskipun letih masih tetap bergaya.



Berehat melepaskan lelah sambil menikmati minuman Milo.



Penat lelah para peserta ternyata tidak sia-sia apabila mereka berjaya menawan puncak Bukit Tempayan Pisang.



Inilah yang dikatakan semangat yang tidak pernah mengenal lelah.



Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahmud bin Haji Masri menyampaikan sijil kepada para peserta kursus (kiri). Mendengar taklimat yang disampaikan (tengah), sebahagian daripada jawatankuasa terdiri daripada kakitangan Jabatan Penerangan (kanan).

## Perjumpaan Ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan bersama The Brunei Times

The Brunei Times Sdn. Bhd. telah menjemput Pegawai-pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian & Jabatan-jabatan Kerajaan yang terdiri daripada agensi-agensi berpakaian seragam (beruniform) bagi membincangkan terbitan sisipan (supplement) surat khabar The Brunei Times sempena sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun ini. Majlis di adakan pada 12 Januari, di pejabat The Brunei Times Sdn. Bhd.

Dalam taklimat ringkasnya, Yang Mulia Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut, Ketua Kumpulan Penyunting The Brunei Times telah menerangkan objektif penerbitan

ini adalah sebagai jalinan kerjasama di antara pihaknya dengan agensi-agensi kerajaan dalam sama-sama memberigakan dan menyebarkan maklumat kerajaan kepada orang ramai melalui Pegawai-pegawai Perhubungan Awam masing-masing.

Hadir sama di perjumpaan tersebut ialah pegawai-pegawai daripada Bahagian Perhubungan Awam yang juga selaku Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Berita disumbangkan oleh:  
Bahagian Perhubungan Awam



Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Ketua Bahagian Perhubungan Awam dan Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid, Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat I telah mewakili Jabatan Penerangan pada perjumpaan tersebut.



## Perubahan Bahagian/Pertukaran Pegawai Dalam Struktur Organisasi 2009

Sempena Tahun Baru 2009, Jabatan Penerangan melalui Jawatankuasa Pengurusan yang telah bermesyuarat pada 20 Disember 2008, telah melaksanakan beberapa perubahan bahagian dan pertukaran pegawai sebagai usaha mengemaskinikan pelaksanaan peranan dan tanggungjawab ke arah perkhidmatan yang berkesan, cekap dan tepat.

Penstrukturan semula bahagian dan pertukaran pegawai yang mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009 adalah seperti berikut:

1. Bahagian Perkhidmatan Am dan Bahagian Penyelidikan dan Pusat Sumber disatukan menjadi Bahagian Perkhidmatan Am, Penyelidikan dan Pusat Sumber yang diketuai oleh Awang Abd. Karim bin Haji Abu Bakar, Pegawai Penerangan.

Unit-unit di bawah bahagian ini ialah Unit Pengedaran, Perkhidmatan Sokongan, Perkhidmatan Kenderaan, Penyelidikan dan Pusat Sumber.

2. Unit Pengurusan Kewangan diketuai oleh Awang Lamit bin Matzin, Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I.

3. Unit Pengurusan Personel diketuai oleh Awang Haji Kamaran bin Haji Bungsu, Penyelia Pejabat.

4. Unit Pengurusan Pejabat dan Estet diketuai oleh Awang Abdul Hakim bin Haji Ibrahim, Penyelia Pejabat.

Sehubungan dengan perubahan dan pertukaran tersebut, beberapa penempatan bilik telah dibuat penyusunan semula seperti berikut:

1. Ketua Bahagian Perkhidmatan Am, Penyelidikan dan Pusat Sumber ditempatkan di bilik Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir, Pegawai Penerangan yang telah diataskan berpindah sebagai Ketua Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Belait

Sementara bilik Awang Abd. Karim bin Haji Abu Bakar akan diperuntukkan bagi Pegawai Penerangan.

2. Ketua Bahagian Pengurusan, Perkembangan Kapasiti dan Tugas-Tugas Khas, Awang Hilmy bin Haji Zainal, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dan Pg. Emran bin Pg. Haji Salleh, Pegawai Luar Penerangan ditempatkan di bilik Awang Haji Majid bin Haji Ibrahim, Pereka Tingkat II yang akan bersara.

Diharapkan melalui perubahan dan pertukaran ini akan dapat meningkatkan komitmen setiap bahagian dalam melaksanakan kerja bahagian masing-masing dengan lebih teratur dan sempurna mengikut bidang tugas yang diamanahkan.

### Kakitangan yang baru berkhidmat

Wan Mohamad Sahran bin Wan Ahmadi  
Jawatan: Penolong Penyunting Tingkat III  
Tarikh melapor: 3 Januari 2009

Sebelum ini Wan Mohamad Sahran telah berkhidmat sebagai Pembantu Arkib Tingkat II di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Awang Haji Matjair bin Haji Matahir  
Jawatan: Kerani  
Tarikh melapor: 3 Januari 2009

Sebelum ini Awang Haji Matjair telah berkhidmat dalam jawatan yang sama di Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

### Cuti Sebelum Bersara



**P**emangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi telah memulakan cuti sebelum bersara bermula pada 13 Januari sehingga 9 April selama 87 hari.

Awang Haji Yussof akan bersara pada 10 April tahun ini.

## Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan Januari

**M**edia Relations Officer (MRO) adalah merupakan perkhidmatan yang banyak membantu pergerakan kepada media-media yang membuat liputan dan penggambaran bila mana ada acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, serta kerabat Diraja.

MRO akan siap sedia untuk bertugas pada masa yang dikehendaki dan pada masa bukan waktu pejabat tidak kira ianya waktu siang atau malam.

Jadual disediakan oleh:  
Bahagian Perkhidmatan Media

06 Januari	Tuan Yang Terutama Zhou Tie Nong, Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Republik Rakyat China di Istana Nurul Iman
13 Januari	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei di Dewan Majlis Mesyuarat Negara
19 Januari	Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Singapura
29 Januari	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke Filipina
31 Januari	Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Mesyuarat Khas Majlis Bencana Kebangsaan.

**M**ajlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada para panel penilai Anugerah Cemerlang Laman Web Rasmi Kerajaan Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-15 Tahun 2008 telah diadakan pada hari Sabtu, 10 Januari bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, ibu pejabat Jabatan Penerangan di Berakas.

Acara pada pagi itu dimulai dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi telah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua panel penilai yang menghakimkan pertandingan anugerah tersebut yang telah diadakan pada bulan Mac dan April tahun 2008. Manakala Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang kedua-dua kategori kementerian dan jabatan kerajaan



Para ahli panel penilai Anugerah Cemerlang Laman Web Rasmi Kerajaan bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan dan ketua-ketua bahagian di Jabatan Penerangan.

yang menyertainya telah diadakan pada 12 November 2008 bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara di Berakas sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam bagi Daerah Brunei-Muara.

Seterusnya Pemangku Pengarah Penerangan telah berkesudian

menyampaikan Sijil Penghargaan kepada panel penilai yang mewakili jabatan kerajaan, institusi pendidikan dan syarikat swasta.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi dan sesi bergambar ramai.

## Temuduga Jawatan Pembersih Jabatan Penerangan



Seramai 38 orang wanita menghadiri temuduga untuk jawatan sebagai Pembersih di jabatan ini. Temuduga tersebut berlangsung pada 17 Januari 2009 diadakan pada sebelah pagi dan petang.

Gambar sumbangan: Bahagian Perhubungan Awam.



# Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009

Dengan tema 'Tangan', Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009 diteruskan lagi bagi bulan Disember 2008. Gambar 'Sentuhan Si Kecil' oleh Awang Masri bin Osman telah mendapat tempat pertama bagi Kategori Jurugambar. Manakala Awang Samle bin Haji Jait telah memenangi peraduan ini melalui gambar 'Majlis Berbedak' bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan.

Peraduan yang dianjurkan oleh Bahagian Fotografi dan Audio Visual ini diteruskan lagi bagi bulan Januari 2009 dengan tema 'Warna Biru' - (air, langit, bunga, burung, mata dan lain-lain) dan penyertaannya ditutup pada 15 Februari 2009.



'Sentuhan Si Kecil' oleh Awang Masri bin Osman yang menjuarai peraduan bagi Kategori Jurugambar.



'Majlis Berbedak' oleh Awang Samle bin Haji Jait mendapat tempat pertama bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan.

## Gempar....



Seekor ular telah didapati masuk melalui celah lubang parit berdekatan pintu masuk jabatan ini. Jabatan Bomba dan Penyelamat telah dihubungi dengan segera sebagai langkah keselamatan bagi mengelak berlakunya perkara yang tidak diingini.

Anggota bomba mengambil masa setengah jam untuk mengeluarkan ular tersebut. Tiga anggota bomba yang terlibat dalam operasi tersebut ialah ABK81 Jelaludin, ABKS191 Norazalan dan ABKS306 Md Shaffie.



## Selamat Hari Lahir

Awang Abdullah bin Sabang	1 Januari
Awang Sharin bin Mohd. Noor	2 Januari
Awang Haji Matjair bin Haji Matakir	3 Januari
Awang Haji Mohd. Sahrin bin Haji Dosaman	5 Januari
Dayangku Nur-Effia Ryina binti Pengiran Haji Hamdani	7 Januari
Awang Muhammad Halime bin Tajuddin	10 Januari
Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain	11 Januari
Awang Haji Masmaleh bin Haji Mohd. Ali	14 Januari
Dayang Salina binti Haji Abdul Wahab	15 Januari
Dayang Hajah Mariam binti Haji Abdul Rahman	17 Januari
Awang Othman bin Haji Tengah	20 Januari
Awang Aliddin bin Haji Mokhtal	27 Januari
Awang Abdul Aziz bin Haji Ibrahim	27 Januari
Dayang Siti Muslihat binti Haji Salleh	27 Januari
Dayang Latipah binti Haji Mokti	27 Januari
Awang Roslan bin Haji Mohd. Jaidi @ Zaidi	28 Januari
Awang Omarali bin Zakaria	30 Januari